

01/06/2002

Pemilihan tidak tepati pelan damai: Tee Keat

SEREMBAN, Jumaat - Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, mendakwa proses pemilihan ketua pemuda parti tidak menepati pelan damai yang dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini kerana di beberapa negeri berlaku undian paksaan bagi memastikan calon yang disukai mendapat jawatan.

"Apabila pemilihan dilakukan, tidak semua ahli mengetahui kerana kelompok tertentu dalam parti hanya memanggil ahli daripada puak mereka bagi memastikan kemenangan calon berkenaan.

"Malah ada ketua pemuda yang bersara kerana melebihi had umur turut mendapat undi...ini perkara yang tidak masuk akal," katanya selepas merasmikan Kempen Promosi Piala Dunia Fifa 2002 di pusat beli-belah Centre Point di sini, hari ini.

Ong yang digantung tugas sebagai Ketua Pemuda mengaku sebagai bukan anggota Jawatankuasa Khas Sembilan Anggota parti, berkata undian paksa itu bagi mengabui mata ahli peringkat akar umbi perlu didedahkan.

Beliau juga mendakwa ada percubaan supaya jika jawatan asal ketua pemuda disandang dari Kumpulan A, maka kekosongan itu mesti diisi dari Kumpulan A dan begitu juga dengan Kumpulan B.

"Ini tidak menyelesaikan masalah, malah akan meneruskan perbalahan dan bertentangan dengan pelan damai," katanya.

Pada peringkat bahagian pula, Ong mendakwa berlaku ketidakadilan seperti di Bukit Mertajam apabila ketua bahagian asal dicabar dan calon yang mencabar sepatutnya hilang kelayakan bertanding.

Bagaimanapun, katanya calon yang mencabar tidak dikenakan tindakan itu manakala bahagian itu digantung.

"Saya kesal apa yang berlaku ini. Kalau betul hendak menumbangkan saya, tumbangkanlah dengan cara betul," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi MCA Negeri Sembilan yang juga Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (CC) MCA, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, mencadangkan kemelut pemilihan ketua pemuda MCA negeri diselesaikan dengan menyerahkan kepada setiap bahagian.

(END)